



KENYATAAN MEDIA

PINDAAN RUU AKTA KUALITI ALAM SEKELILING DILULUSKAN DEWAN RAKYAT

Rang Undang-Undang (RUU) pindaan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada hari ini. Pindaan ini merupakan satu langkah strategik Kerajaan MADANI dalam memperkukuh kerangka perundangan alam sekitar negara, sekaligus membuktikan komitmen jitu terhadap pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).

Pindaan RUU ini akan membolehkan penyerahan kuasa perundangan berkaitan pengurusan buangan terjadual kepada kerajaan Sabah dan Sarawak. Langkah ini selaras dengan keputusan Mesyuarat Khas Majlis Perjanjian Malaysia 1963 yang bertujuan menghormati hak autonomi kedua-dua wilayah tersebut.

Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri akan terus bekerjasama erat bagi memastikan peralihan bidang kuasa ini tidak menjejaskan penguatkuasaan kelestarian alam sekitar di seluruh negara.

Sesungguhnya, usaha ini bukan sekadar pindaan teknikal tetapi merupakan manifestasi semangat federalisme yang menekankan keseimbangan kuasa serta kerjasama antara Persekutuan dan Negeri.

Seterusnya, bacaan kedua dan ketiga bagi RUU ini di Dewan Negara dijangka akan dibuat pada **11 Mac 2026**. Setelah RUU ini mendapat perkenan oleh Yang Di-Pertuan Agong, NRES akan terus mengadakan sesi libat urus bersama Kerajaan Sabah dan

Sarawak bagi menetapkan tarikh pewartaan serta tempoh peralihan yang dipersetujui, selaras dengan perintah penggantungan kuat kuasa Akta 127 tersebut.

Langkah proaktif ini diambil bagi memastikan proses peralihan kuasa dilaksanakan secara teratur dan lancar tanpa menjejaskan aspek penguatkuasaan, tadbir urus, serta pematuhan undang-undang. Selain itu, ia bertujuan mengelakkan sebarang kekosongan undang-undang (*legal vacuum*) atau pertindihan bidang kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

DATO' SRI ARTHUR JOSEPH KURUP
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM
25 FEBRUARI 2026

